BACAAN KETIKA RUKU' DAN SUJUD

Aisyah radiallahu 'anha menyatakan nabi Sallallahu 'alaihi wassalam membaca dalam ruku' dan sujudnya:

سُبُّوحٌ قُدُّوسٌ ، رَبُّ الْمَلاَئِكَةِ وَالرُّوحِ

Maha Suci, Tuhan kepada malaikat dan Jibril [Sahih Muslim: 757]

http://muslim.or.id
http://alsofwah.or.id
http://islamqa.com/en
http://islamweb.net
http://audiosunnah.blogspot.com
http://intisonline.com
http://al-fikrah.net



Terbitan INTIS Consultant (INTIS),

layari http://intisonline.com.

Sebarang komen, hantarkan kepada intisonline@gmail.com

MOMENTUM
memacu arus tajdid

Edisi ke-26

Hakikat hijrah

BERSAMA MENYELUSURI :

- Sunnah Puasa 10 Muharam
- Syiah dan Hari Asyura
- Puasa 9 Muharam: Lambang al-Wala dan al-Bara'
- Hakikat Maksud Hijrah
- Benarkah Doa Awal dan Akhir Tahun Bid'ah?
- Abu Mihjan ats-Tsaqafi: Penagih Arak, Pemburu Syahid,

Keutamaan Puasa Muharam

Dari Abu Hurairah radiallahu ‘anhu, Rasulullah sallallahu ‘alaihi wa sallam bersabda:

أَفْضَلُ الصِّيَامِ بَعْدَ رَمَضَانَ شَهْرُ اللَّهِ الْمُحَرَّمُ وَأَفْضَلُ الصَّلاَةِ بَعْدَ الْفَرِيضَةِ صَلاَةُ اللَّيْلِ

“

Puasa yang paling utama setelah (puasa) Ramadhan adalah (puasa) di bulan Allah (bulan) Muharram, dan solat yang paling utama setelah solat wajib (lima waktu) adalah solat malam. [Muslim: 1163]

قَالَ وَسُئِلَ عَنْ صَوْمِ يَوْمِ عَاشُورَاءَ فَقَالَ «يُكَفِّرُ السَّنَةَ الْمَاضِيَةَ

Abu Qatadah al-Ansari radiallahu ‘anhu berkata: Rasulullah sallallahu ‘alaihi wassalam ditanya mengenai keistimewaan puasa ’Asyura? Baginda menjawab: “Puasa ’Asyura akan menghapus dosa setahun yang lalu.” [HR. Muslim: 1162]

Bagaimana cara berpuasa?

Hendaklah berpuasa 9 dan 10 Muharam.

Ibnu Abbas radhiallahu ’anhuma berkata bahawa ketika Nabi sallallahu ’alaihi wa sallam melakukan puasa hari ’Asyura dan memerintahkan kaum muslimin untuk melakukannya, pada saat itu ada yang berkata:

يَا رَسُولَ اللَّهِ إِنَّهُ يَوْمٌ تُعَظِّمُهُ الْيَهُودُ وَالنَّصَارَى.

”Wahai Rasulullah, hari ini adalah hari yang diagungkan oleh Yahudi dan Kristian.” Lantas Baginda bersabda:

فَإِذَا كَانَ الْعَامُ الْمُقْبِلُ – إِنْ شَاءَ اللَّهُ – صُمْنَا الْيَوْمَ التَّاسِعَ

“

Apabila tiba tahun depan –insya Allah kita akan berpuasa pula pada hari kesembilan.” Ibnu Abbas menyatakan:

فَلَمْ يَأْتِ الْعَامُ الْمُقْبِلُ حَتَّى تُوُفِّىَ رَسُولُ اللَّهِ –صلى الله عليه وسلم–.

“

Belum sampai tahun depan, Nabi sallallahu ’alaihi wa sallam sudah meninggal dunia. [Muslim: 1134]

Abu Mihjan ats-Tsaqafi: Penagih Arak, Pemburu Syahid, Mujahid Sejati……..

Abu Mijan as-Tsaqafi radiallahu ‘anhu adalah orang seorang sahabat yang ketagih minuman keras, sehingga dia sering dikenakan hukuman hudud.

Walaupun demikian, ketika dia mendengar seruan jihad ke Qadisiyah, dia segera bangkit untuk berjihad di bawah pimpinan bapa saudara Nabi sallallahu ‘alaihi wassalam, Sa’ad bin Abi Waqqas radiallahu ‘anhu. Pada hari-hari pertempuran, dia masih tidak mampu menahan ketagihannya kepada arak, sehingga dia pun meminumnya.

Oleh kerana itu, Sa’ad menjatuhkan hukuman atasnya dengan mengurungnya dan melarangnya daripada ikut berperang. Beliau tidak dikenakan hukuman had kerana hukum had tidak akan dilaksanakan di kawasan musuh.

Ketika dalam tahanan, Abu Mihjan menangis kesedihan kerana tidak dapat ikut berjihad. Isteri Sa’ad yang kasih melihatnya, telah membebaskan beliau untuk pergi berjihad.

Abu Mihjan berkata kepada isteri Sa’ad, “Wahai Salma, berikan kepadaku kuda Sa’ad, Balqa, dan berikan kepadaku senjata Sa’ad. Demi Allah, jika Allah mentakdirkan aku untuk tetap hidup, maka aku akan kembali ke tempat tahanan ini dan aku ikatkan kembali rantai yang mengikat kakiku. Dan jika aku mati, maka itulah yang aku harapkan.”

Dalam Peperangan

Abu Mihjan mengenakan penutup wajah lalu pergi berjihad. Ketika dia turun ke medan pertempuran, Sa’ad melihatnya dan merasa takjub dengan keberanian beliau. Sa’ad pun berkata, “Jika saya tidak tahu bahawa Abu Mihjan ada di dalam penjara, tentu akan saya katakan bahawa orang itu adalah Abu Mihjan. Jika saya tidak tahu dimana Balqa berada, tentu akan saya katakan bahawa kuda yang ditungganginya adalah si Balqa.”

Mendengar perkataan suaminya, isteri Sa’ad pun berkata, “Engkau benar, wahai suamiku. Sesungguhnya dia adalah Abu Mihjan dan kuda yang ditungganginya adalah Balqa.”

Lalu Sa’ad pun bertanya apa yang terjadi, dan isterinya menceritakan kejadian yang sebenarnya. Mendengar kata-kata isterinya, Sa’ad merasa kasihan kepada Abu Mihjan.

Ketika peperangan usai, Abu Mihjan kembali ke dalam tahanan dan mengikatkan rantai di kakinya sendiri. Kemudian Sa’ad masuk ke dalam penjara sambil menangis dan melepaskan rantai yang mengikat kaki Abu Mihjan, lalu berkata, “Demi Allah, aku tidak akan menghukummu lagi setelah hari ini.”

Maka Abu Mihjan pun menangis dan berkata, “Dan demi Allah aku tidak akan meminum arak lagi setelah hari ini.”

Sumber: http://ikhwanmuslim.com/bahasan-utama/apa-arti-hakikat-keislaman-saya

Doa Awal dan Akhir Tahun: Benarkah Bid'ah?

Setiap tahun, sehari sebelum masuknya 1 Muharam. Umat Islam akan berkumpul di masjid selepas Asar untuk membaca doa akhir tahun, dan selepas Maghrib untuk membaca doa awal tahun.

Terdapat riwayat **palsu** bahawa antara fadhilat membaca doa tersebut adalah :

"Barangsiapa membacanya syaitan akan berkata: Kami telah penat letih bersamanya sepanjang tahun, tetapi dia (pembaca doa berkenaan) merosakkan amalan kami dalam masa sesaat (dengan membaca doa tersebut)."

Shaikh Jamaluddin al-Qasimy telah menerangkan bahawa riwayat di atas tidak diriwayatkan di dalam sebarang kitab-kitab hadith yang bersanad, dan tidak juga di dalam kitab-kitab hadith maudhu'aat (palsu). (Islahul Masajid: 108). Maka ia bukankan daripada kata-kata Rasulullah saw.

Sebaliknya, apa yang nyata adalah Rasulullah sallallahu 'alaihi wassalam para sahabat dan para tabiin tidak pernah mengamalkan doa tersebut.

Ini telah diakui sendiri oleh beberapa para ulama seperti Abu Syamah (seorang ulama Syafie wafat pada tahun 665H), Mohd Jamaluddin al-Qhasimy (Islahul Masajid-129), Muhammad Abdus Salam as-Shuqairy (As-Sunan wal Mubtadaa'at-167), dan Dr Bakr Abu Zaid (Tashihud Doa-108), yang menegaskan bahawa "Doa awal dan akhir tahun" tidak pernah dilakukan oleh Rasulullah sallallahu 'alaihi wassalam, para sahabat, tabiin, atau tabi'e tabiin.

***Kesimpulan*:**

1) ***Doa awal dan akhir tahun tidak pernah diamalkan oleh Rasulullah sallallahu 'alaihi wassalam, para sahabat, serta generasi salaf.***
2) ***Ia merupakan satu bid'ah/perkara baru dalam agama. Ia satu perbuatan yang tercela kerana agama telah sempurna.***
3) ***Fadhilat doa-doa tersebut bukanlah daripada kata-kata Rasulullah sallallahu 'alaihi wassalam dan bukan juga daripada kata-kata para sahabat.***
4) ***Kami menyeru agar masyarakat Islam yang ikhlas berlepas diri daripada adat membaca doa awal dan akhir tahun.***

Syiah Dan Hari Asyura



Ini bukanlah ajaran Islam!!! Islam tidak mengajar umatnya meratap dan mencederakan diri sendiri.

Jawatankuasa Perunding Hukum Syara'(FATWA) telah membincangkan perkara di atas dengan penuh teliti dan keputusannya adalah seperti berikut:

'Jawatankuasa FATWA kali 1/98 memutuskan bahawa fahaman Syiah didapati **menyeleweng dan bertentangan dengan ajaran Islam** yang berlandaskan Ahli Sunnah Wal Jamaah. Umat Islam yang menganut fahaman ini hendaklah kembali kepada ajaran Islam yang sebenar'

http://www.e-fatwa.gov.my/fatwa-negeri/perkembangan-fahaman-syiah-di-selangor

Al-Wala' dan Al-Bara'

Puasa Asyura sering dibincangkan dari sudut fiqh dan hukumnya, akan tetapi, jarang sekali kita membicarakan maksud tersirat yang melibatkan akidah Islam di dalam hal ini.

Dari Ibnu Abbas radiallahu anhu, Ketika tiba di Madinah, Rasulullah mendapati orang-orang Yahudi melakukan puasa Asyura. Kemudian Rasulullah shallallahu 'alaihi wa sallam bertanya: Hari yang kalian bepuasa ini adalah hari apa? Orang-orang Yahudi tersebut menjawab: Ini adalah hari yang sangat mulia. Ini adalah hari di mana Allah menyelamatkan Musa dan kaumnya. Ketika itu, Firaun dan kaumnya ditenggelamkan. Musa berpuasa pada hari ini kerana bersyukur, maka kami pun berpuasa pada hari ini. Rasulullah shallallahu alaihi wa sallam lantas berkata, "Kami lebih utama mengikuti Musa daripada kalian.". Maka Rasulullah berpuasa dan memerintahkan kaum muslimin untuk berpuasa. (HR Muslim).

Dalam sebuah hadis daripada Ibnu 'Abbas, seorang sahabat berkata kepada Rasulullah: Wahai Rasulullah, hari ini adalah hari yang diagungkan oleh Yahudi dan Nasrani. Lalu baginda menjawab: "Apabila tiba tahun depan –insya Allah (jika Allah menghendaki)- kita akan berpuasa pula pada hari kesembilan." (HR Muslim)

Hikmah Menyelisihi Orang Kafir

-Semua perbuatan orang kafir pada dasarnya dilakukan di atas asas kesesatan.

-Dengan meniru orang kafir, maka seorang muslim akan menjadi pengikut mereka.

-Meniru orang kafir akan menimbulkan rasa kagum ke atas mereka.

-Ia akan menimbulkan rasa cinta dan setia kepada orang kafir.

-Meniru orang kafir akan merendahkan martabat umat Islam

[Dr.Nashir Bin Abdul Karim Al-Aql dalam al-Wala' wa al-Bara']

Hadis di atas menunjukkan digalakkan bagi umat Islam berpuasa pada sembilan dan sepuluh Muharam. Dalam hadis ini juga menunjukkan Rasulullah bertegas agar ibadah umat Islam tidak menyerupai ibadah bukan Islam. Lantaran itu, disyariatkan berpuasa pada sembilan Muharam untuk menyelisihi orang Yahudi dan Nasrani.

Hadis ini menunjukkan satu konsep di dalam akidah Islam yang dikenali sebagai al-Wala' dan al-Bara'. Shaikh Bin Baz di dalam menyatakan bahawa al-Wala' dan al-Bara' bermaksud: Mencintai orang-orang yang beriman dan setia kepada mereka, membenci orang-orang kafir dan memusuhi mereka, berlepas diri daripada mereka dan agama mereka.

Salah satu cara berlepas diri daripada orang kafir ialah dengan mengelakkan daripada meniru tingkah laku, mahupun tatacara berpakaian yang menjadi identiti keagamaan mereka. Rasulullah bersabda di dalam sebuah hadis: "Barangsiapa menyerupai suatu kaum, maka dia sebahagian daripada mereka." (HR Ahmad dan Abu Daud)

Di dalam khutbah ketika Haji Wida, Rasulullah Sallallahu 'Alaihi Wassalam menyebutkan:

وسأخبركم من المسلم المسلم من سلم الناس لسانه ويده

والمؤمن من أمنه الناس على أموالهم وأنفسهم والمهاجر من هجر الخطايا والذنوب

والمجاهد من جاهد نفسه في طاعة الله

Aku ingin memberitahu kalian siapakah Muslim? Muslim ialah seseorang yang mana manusia lain selamat daripada lidah dan tangannya. Mukmin ialah seseorang yang manusia lain mempercayainya (di dalam menguruskan) harta dan diri mereka. Muhajir (orang yang berhijrah) ialah seseorang yang berhijrah daripada kesilapan dan dosa. Mujahid (orang yang berjihad) ialah seseorang yang berjihad ke atas dirinya di dalam mentaati Allah.

[HR al-Imam al-Haithami di dalam Majma' az-Zawaid: 3/271, beliau menyatakan perawinya thiqah]

Huraian:

Hadis ini menerangkan kepada kita ciri-ciri kepada empat golongan manusia iaitu mereka yang digelar Muslim, Mukmin, Muhajir dan Mujahid.

a) Siapakah Muslim?
Berdasarkan hadis di atas, Muslim ialah seseorang yang tidak akan menyakiti saudaranya yang lain sama ada secara fizikal, lisan, mahupun mental.

b) Siapakah mukmin?
Mukmin pula adalah orang yang sangat dipercayai oleh orang lain sehingga mereka dibenarkan menjaga harta dan keluarga orang lain.

c) Siapakah Muhajir?
Muhajir ialah orang yang sentiasa memperbaiki dirinya untuk menjadi insan yang lebih baik.

d) Siapakah mujahid?
Mujahid pula ialah orang yang berusaha bersungguh-sungguh melawan hawa nafsunya untuk mentaati perintah Allah, dan meninggalkan larangannya.